



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 4 OKTOBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	SELUDUP 1.3 TAN BERAS GUNA WAJA, NEGARA, KOSMO -16	BAHAGIAN KAWAL SELIA PADI DAN BERAS (IPB)
2. 3. 4. 5.	BAHAYA HAWAR BERDARAH, INFO GRAFIK, METRO AHAD -24 70 KES TREN LANGGAR TERNAKAN, NASIONAL, BH -17 TREN LANGGAR BINATANG TERNAKAN, LIAR, NEGARA, KOSMO -14 70 KES TREN LANGGAR HAIWAN TERNAKAN TAHUN INI, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SINAR AHAD -40	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7. 8.	MELAKA DALAM PROSES WUJUDKAN ZON PENAMPAN UNTUK NELAYAN, NEGERI JOHOR/MELAKA, SINAR AHAD -39 HASIL DUA KALI SETAHUN, XPRESI, METRO AHAD -35 GUNA SISTEM TEKNOLOGI FERTIGASI, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Seludup 1.3 tan beras guna Waja

**RANTAU PANJANG** - Cubaan seorang lelaki untuk menyeludup 52 kampit beras seberat 1.3 tan bernilai RM23,200 menggunakan kereta Proton Waja terbongkar apabila ditahan Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 di Kampung Padang Licin di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, lelaki tersebut diberkas pada pukul 10 malam selepas pihaknya mendapat maklumat mengenai kegiatan suspek.

"Kereta suspek dikesan dalam keadaan mencurigakan di Labuh Raya Pasir Mas menghala ke Rantau Panjang kerana tidak mempunyai lampu belakang.

"Hasil pemeriksaan menjumpai 52 kampit besar beras seberat 1.3 tan berjumlah RM23,200," katanya.

Tambahnya, soal-siasat mendapati suspek menyeludup beras dari pangkalan haram untuk dihantar kepada pembeli di Pasir Puteh.

Menurut Azhari, suspek turut mengaku telah melakukan aktiviti



**SEBAHAGIAN** beras yang dirampas daripada seorang penyeludup dalam kejadian di Kampung Padang Licin kelmarin.

ini beberapa kali mengikut pesanan yang diterima daripada pelanggan.

"Suspek dan semua barangan rampasan dibawa ke Balai Polis

Rantau Panjang di sini untuk siasatan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2020	METRO AHAD	INFO GRAFIK	24

PENYAKIT HAIWAN TERNAKAN

# BAHAYA HAWAR BERDARAH

Hawar berdarah ialah penyakit septisemia akut (keracunan darah yang teruk) pada lembu dan kerbau yang disebabkan oleh bakteria *Pasteurella multocida* Carter's Type B.

Penyakit ini lebih mudah menjangkiti kerbau berbanding ternakan lain seperti khinzir, biri-biri dan kambing.

Wabak ini boleh berlaku bila-bila masa, tetapi kekerapan penyakit meningkat pada musim hujan.

Hawar berdarah endemik di Malaysia yang menyebabkan kematian dalam tempoh lapan hingga 24 jam selepas dijangkiti.

Kebiasaannya, haiwan yang dijangkiti penyakit berkenaan jarang sembuh dan akan mati.

Selain itu, hawar berdarah juga diwartakan sebagai Penyakit Wajib Laport.

**PENULARAN**

Penyakit menular menerosi kontak langsung dengan haiwan yang dijangkiti atau berkongsi makanan, minuman dan kandang

Bakteria (*Pasteurella multocida* Carter's Type B) merebak ke saluran pernafasan utama, sistem pernafasan dan boleh ditemui dalam sistem lain pada haiwan berkenaan seperti perkumuhan menerusi najis dan air kencing


**TIGA FASA PER HAWAR BERDARAH**

**1**

Demam dengan suhu rektum sebina 41 darjah Celsius, hilang selera makan dan kemurungan



**2**



**GEJALA**

- Bengkak di bahagian kepala, leher dan dada
- Membran mukosa menjadi merah
- Sukar bernafas
- Mulut dan hidung berlendir

- Demam
- Kelesuan
- Kemurungan
- Tidak aktif

**FAKTOR HAWAR BERDARAH**



**Amalan penternakan**



**DIAGNOSIS DAN PENGESAHAN PENYAKIT HAWAR BERDARAH**



Berdasarkan tanda klinikal, lesi post mortem dan kaedah pengasingan bakteria daripada sampel darah (daripada jantung), organ lain ataupun sumsum tulang dan mengenalpastikan organisma



**i** Tanda klinikal  
Haiwan mengalami kemurungan, bengkak di kepala, leher, dada, hidung berbuluh, radang mata dan sukar bernafas



**ii** Bedah siasat  
Kaedah diagnosis penyakit menggunakan gambaran lesi pada organ dan tubuh secara mata kasar dan mikroskop untuk menentukan bagaimana haiwan mati



WARTAWAN  
Nor'Asyikin Mat Hayin  
syikin.mat@metro.com.my

GRAFIK  
Salim Dawam  
norsalim@metro.com.my

**KEMBANGAN PENYAKIT RAH KERBAU DAN LEMBU**



**2**  
Kadar pematasan meningkat (MO hingga 50 miksi) sukar bernafas dan air liur keluar dengan banyak.

**3**  
Gangguan pernafasan akut bertetusan

**PENCEGAHAN HAWAR BERDARAH**

**RAWATAN**

Ternakan yang menunjukkan tanda klinikal perlu diasingkan daripada yang sihat dan diberikan suntikan antibiotik.  
Ubatan jenis 'sulfonamide', 'tetracycline', 'penicillin' dan 'chloramphenicol' lebih berkesan jika diberi di peringkat awal jangkitan, namun pengesanan awal jangkitan sukar dikenal pasti.

**VAKSINASI**

Suntikan vaksin setiap tahun  
Dua jenis vaksin digunakan iaitu vaksin 'Alum-precipitated' dan vaksin 'Oil-adjutant'.  
• Vaksin alum-precipitated digunakan semasa wabak berlaku  
• Vaksin oil-adjutant digunakan sebagai vaksinasi tahunan

**PENYAKIT BERKAITAN HAIWAN**

**PENYAKIT ANJING GILA (rabies)**  
Disebabkan oleh jangkitan virus *Lyssavirus* daripada haiwan seperti anjing yang dijangkiti rabies. Virus ini merebak daripada haiwan kepada manusia menerusi luka gigitan haiwan.

**SELESEMA BURUNG**  
Penyakit ini disebabkan virus awan influenza A (H5N1) yang berlaku pada burung salaja. Burung dijangkiti mengeluarkan virus melalui air liur, lelehan air daripada hidung dan najis.

**CACAR AYAH**  
Penyakit berjangkit pada unggas yang disebabkan virus familia poxviridae dan genus avipoxvirus. Penyakit ini menyering ayaan ayam belanda, burung kenari, burung puyuh, dan burung merpati.

**VIRUS SPORO**  
Sporotrichosis ialah penyakit disebabkan oleh fungus iaitu *sporothrix schenckii*. Fungus ini berpotensi menjangkiti kulit, sistem pernafasan, tulang dan otak.

**INFLUENZA A HINI (selesema babi)**  
Virus dalam keluarga *orthomyxoviridae* berasal dari wabak yang menjangkiti populasi babi dan mengganggu pernafasan haiwan berkenaan.

**PENYAKIT KUDA AFRIKA**  
Penyakit yang menjangkiti kuda, keledai dan kuda belang disebabkan virus daripada genus *orbivirus* yang boleh mengakibatkan kematian.

**PENYAKIT NIPAH**  
Gangguan sistem pernafasan babi dan sistem saraf yang menyebabkan kematian ternakan seperti babi, kambing, biri biri, anjing dan kucing.

**PENYAKIT KUKU DAN MULLUT**  
Penyakit ini sangat mudah menjangkiti haiwan beruku dua seperti lembu, kerbau, kambing, biri biri, khinzir dan rusa.

Ia disebabkan virus *aphthovirus* menyebabkan haiwan dijangkiti tempang tiba-tiba atau tidak boleh bangun kerana ulser yang terbentuk pada kaki.

**CACAR ARNAB**  
Penyakit ini disebabkan oleh virus *vacinia* yang menyebabkan arnab mengalami demam, ruam pada kulit dan berisiko mati.

**PENYAKIT TILAPIA LAKE VIRUS**  
Punca penyakit ini ialah virus *pathogen*, cepat merebak dan risiko 90 peratus ikan mati. Ikan yang dijangkiti virus ini akan menunjukkan gejala berenang seperti luar daripada kebiasaan. Juga menyebabkan ikan luka pada badan, mata berselekap, hilang selera makan dan berenang bersendirian iaitu tidak secara berkumpulan seperti kebiasaannya.



**III Bakteriologi**  
Kultur tulen bakteria *P. multocida* Carter's Type B boleh diperolehi melalui callitan sampel dan mengenal pasti morfologikal seperti 'gram negatif' dipolar basilus' atau kokobasilus (bakteria) dan ujian biokimia.



**IV Ujian saringan**  
Ujian ini dilakukan ke atas gerompok (sekumpulan ternakan berkongsi kawasan ragut yang sama) ternakan yang pernah mengalami wabak hawar berdarah



**Keputusan negatif**  
Ternakan *dibenarkan* berpindah

**Keputusan positif**  
Ternakan yang positif ujian saringan didaftarkan sebagai Indeks disyaki Penyakit Hawar Berdarah

## 70 kes tren langgar ternakan

Kuala Krai: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Wilayah Timur mencatatkan 70 kes pelanggaran membabitkan tren dan ternakan seperti lembu, kerbau serta kambing sepanjang jajaran di Semeranjung dalam tempoh Januari hingga September tahun ini.

Ketua Komunikasi Strategik KTMB, Ahmad Asri Khalbi, berkata sepanjang tahun lalu, 121 kes tren melanggar haiwan ternakan direkodkan.

Katanya, pada tahun ini dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), KTMB mengadakan lima siri pertemuan dengan penternak iaitu di Labu dan Jempol (Negeri Sembilan), Bera (Pahang), Tapah serta Gua Musang (Kelantan).

"Lokasi ini menjadi titik panas atau 'hot spot' kerap berlaku insiden kereta api melanggar haiwan ternakan.

"Pada pertemuan itu, kami mengingatkan penternak tidak membiarkan ternakan berkehidupan kerana ia boleh membahayakan penumpang dan tren," katanya ketika ditemui di Stesen Keretapi Dabong, di sini.

Beliau berkata, walaupun peringatan dikeluarkan kepada penduduk yang tinggal berdekatan laluan tren, masih ada dalam kalangan mereka berdegil dan tidak mengambil serius peringatan berkenaan.



KTMB kenal pasti lima lokasi insiden kemalangan, beri kesedaran pemilik haiwan

# Tren langgar binatang ternakan, liar

Oleh YATIMIN ABDULLAH

**KUALA KRAI** - Sebanyak 70 kes tren Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Wilayah Timur melanggar haiwan ternakan penduduk dilaporkan dalam tempoh sembilan bulan bermula Januari tahun ini.

Ketua Komunikasi Strategik Syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Ahmad Asri Khalbi berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 121 kes tren melanggar haiwan ternakan direkodkan.

Terbaharu katanya, tren merempuh seekor gajah yang melintas landasan Stesen Kereta Api Kuala Krai pada 15 September lalu.

"Selain haiwan liar seperti gajah, binatang ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing turut menjadi penyumbang kepada insiden berkenaan.

"Kita sudah mengenal pasti sebanyak lima lokasi insiden kemalangan melibatkan haiwan iaitu Bera, Pahang, Tapah (Perak), Gua Musang (Kelantan)

PIHAK KTMB mengadakan pertemuan dengan pemilik haiwan ternakan di Gua Musang semalam.



selain Labu dan Jempol (Negeri Sembilan)," katanya ketika ditemui di sini kelmarin.

Katanya, KTMB dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengadakan pertemuan dengan pemilik haiwan di kawasan berkenaan dalam usaha memberi kesedaran sekali gus mengurangkan risiko kemalangan.

"Dalam pertemuan itu, kami mengingatkan mereka supaya

tidak membiarkan haiwan ternakan berkeliaran sesuka hati, kerana ia boleh membahayakan penumpang dan tren itu sendiri," ujarnya.

Menurutnya, mengikut Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, jika penumpang membiarkan haiwan ternakan berkeliaran sehingga membahayakan nyawa penumpang dan aset KTMB, mereka boleh dikenakan denda RM500 bagi setiap ekor

haiwan yang berkeliaran. Ahmad Asri berkata, pihaknya akan memaklumkan jadual perjalanan tren kepada pen-ternak bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini terutamanya pada waktu malam.

Kesemua pemandu KTMB sudah peka dengan kawasan titik panas dan akan memperlahankan pemanduan kereta api apabila tiba di lokasi berkenaan.



## Senarai Harga Barang Keperluan

Barang	Harga (kg)
• Ayam	RM5.95
• Daging Lembu Tempatan	RM32
• Daging Lembu Import	RM24
• Telur Cred A (30 biji)	RM8.90
• Ikan Kembung	RM6.99
• Miryak Masak	RM5.15
• Gula Pasir	RM2.90
• Bawang Besar Holland	RM2.30
• Bawang Putih	RM3.20
• Cili Merah	RM8.50
• Kubis Tempatan	RM1.69
• Tepung Gandum	RM2.15

Sumber: KPDP/HEP



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2020	SINAR AHAD	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	40

# 70 kes tren langgar haiwan ternakan tahun ini



Wakil KTMB bertemu dengan penternak untuk memberi penerangan berhubung insiden kemalangan melibatkan tren dan haiwan di Kuala Krai semalam.

KTMB dedah lima lokasi panas tren langgar haiwan di landasan seluruh Semenanjung

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

## KUALA KRAI

**S**yarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mendedahkan sebanyak lima lokasi panas di Semenanjung Malaysia yang kerap berlakunya insiden kemalangan melibatkan tren dengan haiwan.

Ketua Komunikasi Strategik KTMB, Ahmad 'Asri Khalbi berkata, lima lokasi tersebut adalah di Labu dan Jempol (Negeri Sembilan), Bera (Pahang), Tapah (Perak)

serta Gua Musang (Kelantan).

"Sepanjang Januari hingga September tahun ini, sebanyak 70 kes tren melanggar haiwan ternakan penduduk seperti lembu, kerbau dan kambing sepanjang laluannya di seluruh jajaran KTMB di Semenanjung Malaysia.

"Pada tahun lalu, sebanyak 121 kes tren melanggar haiwan ternakan berlaku dari Januari hingga Disember," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Ahmad 'Asri berkata, sebagai langkah pencegahan, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan telah mengadakan lima siri pertemuan dengan penternak di lokasi itu.

Katanya, menerusi pertemuan itu KTMB telah mengingatkan penternak supaya tidak membiarkan haiwan ternakan berkeliaran sesuka hati kerana boleh membahayakan

penumpang dan kerosakan pada tren.

"Walaupun peringatan sudah dikeluarkan kepada penduduk yang tinggal berdekatan laluan tren supaya menambat ternakan mereka namun masih ada dalam kalangan penduduk yang berdegil dan tidak mengambil serius mengenainya.

"Apabila berlaku kejadian seumpama itu dan ketika siasatan dilakukan, tidak ada mana-mana penduduk mengaku yang ia membatitkan haiwan ternakan mereka kerana khuatir akan diambil tindakan undang-undang," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad 'Asri berkata, gajah antara hidupan liar yang melintasi landasan kereta api secara mengejut menyebabkan pengangkutan awam itu terpaksa merempuh haiwan liar tersebut.

Katanya, terbaru insiden pelanggaran haiwan itu berlaku di Kuala Krai pada 15 September lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2020	SINAR AHAD	NEGERI JOHOR/ MELAKA	39

## Melaka dalam proses wujudkan zon penampungan untuk nelayan

**MELAKA** - Melaka kini dalam proses mewujudkan zon penampungan yang mengasingkan kawasan menangkap ikan, kapal besar berlabuh dan laluan kapal di perairan negeri itu bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan di samping meningkatkan hasil tangkapan nelayan.

Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Ko-

operasi Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, ini kerana perairan Melaka antara laluan air yang sibuk selain semakin sempit ekoran aktiviti penambakan laut.

“Usaha ini juga sebagai langkah mengelak berlaku pelanggaran kapal seperti semalam (kelmarin) selain memastikan kelancaran trafik di perairan Melaka,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas kejadian pelanggaran kapal itu, Norhizam berkata, pihaknya dimaklumkan kapten kedua-dua kapal telah ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, beliau juga telah mengarahkan pihak berkuasa mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang bertanggungjawab sekiranya kemalangan disebabkan unsur kecuaiian. - *Bernama*



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/10/2020	METRO AHAD	XPRESI	35

**AGRO**

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilius  
asmaini@nstp.com.my

Rasanya yang lemak manis dan berair menyebabkan buah tin atau nama saintifiknya *Ficus Carica* digemari ramai tidak kira tua atau muda.

Buah tin juga antara 'superfruit' yang sesuai dinikmati setiap hari kerana kaya dengan khasiat antioksidan, vitamin A, vitamin B1, vitamin B2, kalsium, zat besi, fosforus, mangan, sodium, potassium dan serat.

Pokok tin biasanya hidup subur di negara-negara empat musim selain rantau Asia Barat dan selatan Mediterranean.

Namun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pokok tin mula ditanam beberapa pengusaha persendirian dan syarikat swasta secara komersial di negara ini.

Antaranya, AFTA BENEFIGS Sdn Bhd yang mengusahakan ladang buah tin di Felda Sungai Tengli Selatan, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Eksekutif Jualan dan Pemasarannya, Siti Fatimah Sha'ari berkata, ladang berkenaan dibuka sejak lebih setahun lalu dan menempatkan kira-kira 1,200 pokok tin di dalam tiga rumah pelindung hujan.



ANTARA produk yang dihasilkan daripada buah tin.

# HASIL DUA KALI SETAHUN

Buah tin varieti Masui Dauphin lebih besar, harga boleh cecah RM80 sekilogram



PEKERJA memastikan pokok tin mendapat air dan baja secukupnya.



BUAH tin kaya dengan pelbagai khasiat untuk kesihatan.

Katanya, jenis pokok tin yang ditanam di ladang itu ialah dari negara matahari terbit iaitu Masui Dauphin.

"Varieti itu menjadi pilihan kerana ia lebih produktif dan mampu menghasilkan buah dua kali setahun dalam masa dua kali kitaran buah.

"Saiz buah tin varieti Masui Dauphin juga lebih besar berbanding varieti lain dan harganya juga mampu mencecah RM80 sekilogram," katanya. > 36





DAUN MASUKI SZE

Menurut Siti Fatimah, varieti Masui Dauphin juga sesuai ditanam di negara ini kerana mendapat cahaya panas hampir sepanjang tahun. Katanya, sepon pokok tin varieti itu boleh menghasilkan lebih tiga kilogram buah dalam satu kitaran.

"Secara purata, ladang ini menghasilkan puluhan kilogram buah tin dalam sehari.

"Selain dijual secara segar, buah tin yang dihasilkan turut diproses menjadi jus, minuman sedia diminum dan buah kering," katanya.

Jelas Siti Fatimah, bukan saja buah tin mempunyai nilai komersial, malah daunnya juga boleh digunakan untuk membuat teh yang dipercayai dapat membantu mengawal kandungan gula dalam darah.

"Daun pokok tin diproses menjadi teh dengan kerjasama kumpulan pemeroka wanita di sekitar Felda

Selain dijual secara segar, buah tin yang dihasilkan turut diproses menjadi jus, minuman sedia diminum dan buah kering

**SITI FATIMAH**

# GUNA SISTEM TEKNOLOGI FERTIGASI


Selain maksimumkan pengeluaran, ia membolehkan pokok tin dapat air dan baja dua kali sehari



LADANG buah tin yang diusahakan Afta Benefiqs di Felda Sungai Tenggi Selatan.



VARIETI Masui Dauphin yang lebih besar dan produktif berbanding jenis lain



LADANG yang menawarkan pengalaman menarik kepada pengunjung untuk memetik dan menikmati buah tin segar

Sungai Tenggi Selatan.

"Batang pokoknya pula dijual sebagai benih dengan harga RM5 sekaki, sementara anak pokok dijual antara RM35 hingga RM125," katanya.

Dalam pada itu, bagi memaksimumkan pengeluaran, ladang berkenaan menggunakan teknologi tanaman moden sistem fertigasi.

Katanya, teknologi fertigasi yang digunakan membolehkan pokok tin di ladang itu mendapat air dan baja dua kali sehari.

"Pokok tin ditanam di

dalam Rumah Pelindung Hujan (Rumah Hijau) dan ia terpelihara daripada serangan serangga perosak atau air hujan berlebihan.

"Cuma jika terkena tempas air hujan berlebihan, ada pokok yang akan diserang karat daun, namun semua masalah itu dapat dikawal dengan segera," katanya.

Sementara itu, berbeza dengan ladang buah tin lain yang sedia ada di negara ini, syarikat itu turut mempromosikan konsep agropelancongan

dengan menawarkan pengalaman memetik buah dan menikmatinya secara segar di ladang berkenaan.

Mengulas lanjut mengenainya, Siti Fatimah berkata, pihaknya mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk merasai sendiri pengalaman memetik dan menikmati buah tin segar di ladang itu.

"Sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ladang ini tidak putus-putus

dikunjungi pengunjung dari seluruh negara yang mahu merasai sendiri pengalaman memetik dan menikmati buah berkenaan secara secara segar.

"Melihat semua potensi yang ada, pihak syarikat merancang menjadikan ladang ini sebagai pusat sehati yang bukan saja berfungsi sebagai ladang tanaman malah pusat pembelajaran dan lokasi tumpuan agropelancongan," katanya.